

# UMS kemuka permohonan tanah untuk Kampus UMS di Apin-Apin

NST 11.03.2012 6

KENINGAU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sudah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Tanah dan Urus berhubung dengan tanah yang dicadangkan untuk Kampus UMS di Apin-Apin.

Naib Canselor UMS Brig. Jen. Prof Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, pihak UMS telah membuat permohonan lebih kurang dua minggu lepas.

Walau bagaimanapun katanya, pihak UMS memohon mafaku kerana lewat mengemukakan permohonan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas gesaan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pekan Apin-Apin Datuk John Angian agar Lembaga Pengurusan UMS mengekalkan permohonan tanah kepada Jabatan Tanah dan Urus Keningau agar pembinaan kampus UMS di daerah dapat dimulakan.

Kamaruzaman menyatakan perkara itu kepada media pada Program Seiring Bersama Masyarakat IUMS 2012, Perpustakaan Mini Profesor Dr. Kamaruzaman Ampon di Kg.

Bayangan dekat sini kelmarin.

Program itu dirasmikan oleh Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Haji Sairin Hj. Karno yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Liawan.

Program itu diserikan dengan pelbagai program seperti pertandingan bercerita, pertandingan mewarna kanak-kanak dan sebagainya.

Mengulas penubuhan Perpustakaan Mini Profesor Dr. Kamaruzaman Ampon, beliau berkata, ia adalah pusat permpuanan awal transformasi minna di kalangan penduduk khususnya di Kg. Bayangan.

Katanya, transformasi minna dari peringkat awal amat penting kepada anak-anak untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini melalui Perpustakaan Mini.

"Dengan adanya Perpustakaan Mini di kampung ini, UMS sentiasa akan menyalurkan maklumat-maklumat baru," katanya.

Katanya, selain penubuhan Perpustakaan Mini di Kg. Bayangan, UMS juga telah melaksanakan Program PUPUK di

kawasan luar bandar.

Melalui program ini kataanya, pelajar UMS dibawa masuk kampung untuk mendedahkan mereka dengan suasana dan budaya di kampung di samping memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Kamaruzaman berkata, program ini sudah dijalankan lima tahun lalu dan menjadikan Kg. Sikuati Kudat sebagai sasaran.

"Kita telah bawa pelajar dari Sekolah Perubatan UMS masuk di kawasan itu dan memberi khidmat kepada masyarakat berkaitan kesihatan," jelasnya.

Selain itu, katanya, bagi perancangan jangka panjang UMS juga akan membawa masuk pelajar Sekolah Pemakanan, Sekolah Sains Sosial dan lain-lain untuk memberi khidmat kepada masyarakat setempat.

Katanya, program ini bertujuan mendedahkan pelajar-pelajar UMS dalam perbagai jurusan menyelami dan mempelajari budaya masyarakat di luar bandar. - **OLEH MARUTIN ANSIUNG** - [marutin@newsabah-times.com.my](mailto:marutin@newsabah-times.com.my)



SAKSI PERSEMBAHAN ... Kamaruzaman (empat, kiri) dan Sairin (lima, kiri) serta Pegawai Kanan UMS dan ketua-ketua jabatan menyaksikan persembahan bercerita kanak-kanak pada program itu.



PERTANDINGAN MEWARNA ... Kamaruzaman (tengah) dan Sairin (kanan) bersama kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam pertandingan mewarna Perpustakaan Mini Profesor Datuk Seri Panglima DR. Kamaruzaman.



SAMPAIKAN HADIAH ... Sairin (dua, kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan mewarna. Turut kelihatan Kamaruzaman (dua, kanan).